

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI  
(SIBUTI)**

**TARIKH : 17 NOVEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN LUKANISMAN BIN AWANG SAUNI [SIBUTI]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa jumlah terkini banduan yang dibebaskan melalui sistem pemulihan pembebasan bersyarat (*parole system*) dan apakah sasaran Kerajaan untuk mengurangkan kesesakan penjara di seluruh Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik pelepasan banduan melalui Perintah Parol dari tahun 2008 sehingga Oktober 2021 adalah seramai **43,247 Orang DiParol (ODP)**. Bagi pelaksanaan pelepasan bersyarat iaitu melalui Pelepasan Banduan Secara Berlesen (PBSL) untuk banduan hukuman bawah 1 tahun adalah seramai **2,306 orang banduan**. Program ini dimulakan mulai Oktober 2020 sehingga kini.

Jumlah semasa keseluruhan banduan pada 10 Oktober 2021 yang sedang menjalani Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) atau pemulihan di luar tembok penjara adalah seramai **4,395 orang banduan**, yang terlibat dalam program Parol, Perintah Kehadiran Wajib (PKW), Program Reintegrasi Penghuni Industri, Program Reintegrasi Penghuni dan program *Corporate Smart Internship*. Sasaran akan terus dipertingkatkan kepada 8,000 banduan yang dijangka akan mengikuti PDK pada tahun 2022, bagi tujuan mengurangkan kesesakan dalam penjara.

Jabatan Penjara Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri telah mengambil beberapa strategi dan tindakan bagi mengurangkan kesesakan seluruh institusi penjara. Antaranya adalah:

- i. Jabatan Penjara Malaysia dengan sokongan Kementerian Dalam Negeri telah mewujudkan beberapa penjara sementara. Sebanyak 10 bekas kem Pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) telah diwartakan di bawah Seksyen 3, Akta Penjara 1995 sebagai Penjara Satelit (PS), untuk penempatan banduan yang baru bagi tujuan pengasingan sebelum dimasukkan ke penjara.
- ii. Selain itu, Jabatan Penjara Malaysia turut mewujudkan Pusat Transit Penerimaan (PTP) di institusi penjara bagi mengurangkan tahap kebolehjangkitan COVID-19 dalam kalangan banduan serta mengurangkan kesesakan, untuk menempatkan banduan sabitan dan reman kategori risiko keselamatan minima dengan mengambilkira

## SOALAN NO : 19

keperluan pengasingan berdasarkan tarikh-tarikh kemasukan;

- iii. Selaras dengan halatuju Jabatan Penjara Malaysia iaitu 2/3 banduan sabitan yang layak akan menjalani pemulihan di luar penjara, langkah-langkah mengurangkan kesesakan melalui pelaksanaan dan pemerkasaan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib, Program Reintegrasi Penghuni Industri, Program *Corporate Smart Internship* dan Pelepasan Banduan Secara Lesen, dilaksanakan secara berterusan;
- iv. Selain itu, Rang Undang-Undang (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah)(Pindaan) 2021 (“RUU PKW”) juga telah disediakan dan sedang dalam penelitian Jabatan Peguam Negara. RUU tersebut bertujuan untuk meminda Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 [Akta 461] dan menggantikan Ordinan Darurat (Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah)(Pindaan) 2021 (“ODPKW”) sebagai satu lagi usaha memperkasa inisiatif pemenjaraan di luar tembok penjara melalui program pemulihan pesalah di dalam komuniti. Inisiatif ini membolehkan pesalah yang dihukum dengan hukuman 1 tahun ke bawah boleh dipertimbangkan dalam program berkenaan; dan
- v. Pada masa yang sama, cadangan *Probation & Community Correction* yang melibatkan pelbagai alternatif kepada hukuman pemenjaraan sedang dikaji oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan perundangan;

Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Penjara Malaysia bersama-sama dengan Agensi kerajaan lain yang berkaitan, akan sentiasa bekerjasama dalam memastikan inisiatif-inisiatif dalam menangani masalah kesesakan di penjara ini, terus dilaksanakan.